



KENYATAAN MEDIA

BELANJAWAN 2026: KERAJAAN CAKNA DENGAN SUARA RAKYAT

KUALA LUMPUR, 10 Oktober 2025 – Belanjawan MADANI 2026 adalah Belanjawan Rakyat. Ia digerakkan oleh suara dan aspirasi rakyat ke arah memastikan setiap lapisan masyarakat merasai manfaat pembangunan. Ia mencerminkan semangat kerjasama kerajaan dan rakyat dalam membina masa depan yang makmur dan inklusif.

Berteraskan kemampanan, ketahanan dan pertumbuhan, belanjawan ini menegaskan bahawa disiplin fiskal, ketelusan dan keadilan sosial menjadi asas kekuatan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

Komitmen PETRA terhadap Belanjawan 2026

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) menyambut baik Belanjawan 2026 yang menekankan keseimbangan antara kemajuan ekonomi dan kemampanan sumber tenaga serta air demi kesejahteraan rakyat.

Fokus ini sejajar dengan misi PETRA untuk memastikan akses tenaga dan air yang bersih, selamat serta mampu milik bagi semua rakyat Malaysia, di samping memelihara sumber semula jadi dan alam sekitar.

Belanjawan 2026 memperuntukkan RM5.19 bilion bagi sektor tenaga dan air, merangkumi RM392.74 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM4.8 bilion bagi perbelanjaan pembangunan, justeru menggambarkan komitmen berterusan kerajaan dalam membina daya tahan ekonomi serta kesejahteraan rakyat jangka panjang.

Antara Inisiatif Utama Sektor Tenaga dan Air

PETRA memberi tumpuan kepada bekalan air bersih, pengurusan sungai dan mitigasi banjir, melalui langkah berikut:

- Program Pemuliharaan Sungai dan Sistem Saliran: Mengurangkan risiko banjir dan melindungi infrastruktur awam berjumlah RM2.2 billion menerusi 43 projek tebatan banjir dan 12 projek baharu.
- Program MASMA (Memperbaiki, Mengindah, Membersih dan Merawat Air Sungai dan Infrastruktur) dengan peruntukan RM292 juta bagi pemuliharaan sungai dan sistem pengurusan air yang lebih mampan.

Dalam usaha mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih (Net Zero Carbon) menjelang 2050, PETRA akan melaksanakan pelbagai program strategik termasuk:

- Program Bijak Tenaga MADANI (NEEAP 2.0): Pelaksanaan menyeluruh kecekapan tenaga di sektor domestik, industri dan komersil, selaras dengan Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024 berjumlah RM20 juta.

- Program Pembangunan Tenaga Nuklear (MyPOWER): Kesiapsiagaan infrastruktur dan tadbir urus tenaga nuklear mengikut piawaian International Atomic Energy Agency (IAEA) berjumlah RM28.6 juta.
- Projek Pengukuhan Bekalan Elektrik Sabah dan Labuan: Termasuk subsidi tarif, subsidi bahan api dan projek Southern Link (TPSL) bernilai RM1.9 bilion bagi memperkukuh grid penghantaran elektrik di Sabah.
- Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) menetapkan sasaran 70 peratus kapasiti penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu (TBB) menjelang 2050. NETR ini terus dipacu pemain industri dengan sokongan Dana Peralihan Tenaga Negara RM150 juta.
- Projek penjanaan solar berskala besar dilaksanakan dengan kapasiti hampir 2 gigawatt di bawah program LSS 6 melibatkan anggaran pelaburan swasta RM6 bilion.

Fokus Sabah dan Sarawak

Kerajaan MADANI 2026 memberi penekanan besar terhadap pembangunan Sabah dan Sarawak melalui pelaburan strategik dalam tenaga, air, jalan raya, dan digitalisasi selaras dengan semangat Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Sabah menerima RM6.9 bilion manakala Sarawak menerima RM6 bilion, kedua-dua peruntukan adalah yang tertinggi dalam sejarah. Pemberian Khas bagi Sabah dan Sarawak

telah ditingkatkan melalui peruntukan kali ini iaitu dengan jumlah RM600 juta.

Penutup

Belanjawan MADANI 2026 mencerminkan iltizam kerajaan membina ekonomi mampan, rakyat berdaya tahan dan negara makmur. Ia menekankan pengurusan fiskal berhemat dan telus, memastikan hasil negara dimanfaatkan untuk rakyat melalui bantuan disasar, pelaburan strategik dan pertumbuhan hijau yang inklusif.

PETRA kekal komited memperkukuh sektor tenaga dan air secara berhemah, mampan dan berimpak tinggi, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF

TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PETRA

10 OKTOBER 2025